



Setiap tahun, Jabatan Standard Malaysia (“**Standards Malaysia**”) bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (“**MCMC**”) bagi menyambut Hari Standard Sedunia “*World Standards Day*” (“**WSD**”) yang jatuh pada 14 Oktober.

Sebagai latar belakang, Standards Malaysia merupakan ahli kepada “*International Organisation for Standardisation*” (“**ISO**”) dan “*International Electrotechnical Commission*” (“**IEC**”) manakala MCMC adalah ahli kepada “*International Telecommunication Union*” (“**ITU**”). ISO, IEC dan ITU akan menyambut Hari Standard Sedunia setiap tahun bagi menghargai penglibatan semua pihak dalam pembangunan standard serta mempromosikan standard sebagai alat bagi melindungi pengguna dan mempermudah perdagangan antarabangsa.

Tema Hari Standard Sedunia pada tahun ini merupakan “*International Standards and 4th Industrial Revolution*”. Justeru, bersempena dengan WSD 2018, Standards Malaysia dan MCMC mempelawa rakyat Malaysia untuk bersama-sama meraikan sambutan WSD serta meningkatkan kefahaman mengenai revolusi industri 4.0 dengan menyertai pertandingan #wsd2018malaysia (“**Pertandingan**”).

Pada tahun ini, pihak Standards Malaysia dan MCMC (dirujuk bersekali sebagai “**Penganjur**”) mencari tafsiran kreatif bagi tema yang dibawakan menerusi Pertandingan ini.



1. BAGAIMANA UNTUK MENYERTAII?

- (a) Untuk menyertai Pertandingan ini, peserta hanya perlu menghantar penyertaan dalam talian dengan menggunakan akaun Instagram.
- (b) Setiap penyertaan mestilah memenuhi terma dan syarat Pertandingan seperti yang ditetapkan untuk layak dipilih sebagai pemenang.
- (c) Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi terma dan syarat Pertandingan akan dibatalkan.

2. TEMPOH PERTANDINGAN

1 Oktober sehingga 31 Oktober 2018

3. HADIAH DAN KRITERIA PENJURIAN

- Tempat Pertama : RM 1,000.00
- Tempat Kedua : RM 500.00 (x2 Pemenang)
- Tempat Ketiga : RM 300.00 (x5 Pemenang)
- Saguhati : RM 100.00 (x20 Pemenang)

Setiap penyertaan akan dinilai oleh panel juri berdasarkan kriteria berikut:

- (a) Memenuhi syarat pertandingan;
- (b) Kapsyen yang menarik dan bersesuaian dengan tema; dan
- (c) Kreativiti dan keunikan penyampaian kapsyen.

4. LANGKAH-LANGKAH PENYERTAAN

Penyertaan Pertandingan ini dibuka melalui akaun Instagram @standards_my. Berikut adalah langkah-langkah penyertaan:

- (a) “**FOLLOW**” @standards_my & @skmm_mcmc di Instagram;
- (b) “**LIKE & REPOST**” poster Pertandingan ini yang dimuatnaik di akaun Instagram @standards_my beserta kapsyen “**Standard dapat merealisasikan Revolusi Industri 4.0 dengan** (tidak melebihi 30 patah perkataan); dan
- (c) “**HASHTAG**” #wsd2018malaysia pada setiap penyertaan.

5. GARIS PANDUAN UMUM

- (a) Penyertaan adalah percuma.
- (b) Pertandingan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 13 tahun ke atas.
- (c) Pemenang akan dipilih berdasarkan kapsyen yang menarik dan kreatif dalam cara penyampaian kapsyen.
- (d) Peserta boleh menyampaikan kapsyen menggunakan kreativiti secara bertulis / video / nyanyian atau apa-apa cara berdasarkan kreativiti masing-masing.
- (e) Bahasa yang digunakan di dalam penyertaan mestilah Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris di mana penggunaannya difahami oleh ahli masyarakat secara umum.
- (f) Penyertaan yang menggunakan bahasa slanga ('*slang*') atau ayat yang mempunyai makna tersembunyi ('*double meaning*') akan disingkirkan secara automatik, mengikut budi bicara pihak Penganjur.
- (g) Tiada had penyertaan. Peserta boleh memuatnaik atau "*REPOST*" tanpa had dalam satu (1) akaun Instagram dengan menggunakan kapsyen yang berlainan.
- (h) Peserta hendaklah memastikan akaun Instagram peserta ditetapkan pada mod '*public*' bagi tujuan penilaian oleh panel juri.
- (i) Sesi pemilihan pemenang ini akan diadakan oleh panel juri yang dilantik oleh pihak Penganjur.
- (j) Semua hadiah akan dibayar dalam Ringgit Malaysia atau apa-apa hadiah yang setara yang akan ditentukan oleh pihak Penganjur.
- (k) Dengan menghantar penyertaan, peserta dianggap telah bersetuju dengan semua terma dan syarat Pertandingan.

6. TERMA DAN SYARAT

(a) Hakcipta:

- (i) Semua penyertaan hendaklah menggunakan poster asal yang di muat naik di akaun Instagram @standards_my.
- (ii) Para pemenang akan memberikan hak mutlak kepada Penganjur untuk menerbitkan, mempamerkan hasil penyertaan mereka dalam bentuk penerbitan, brosur dan bahan-bahan lain serta di laman sesawang penganjur dan platform dalam talian yang lain.

(b) Privasi:

- (i) Dengan menghantar penyertaan, peserta bersetuju bahawa sekiranya dipilih sebagai pemenang, pihak Penganjur boleh menggunakan maklumat peribadi dan butiran penyertaan peserta (kecuali alamat rumah, alamat emel dan nombor telefon) untuk tujuan publisiti, promosi, pengiklanan dan lain-lain.
- (ii) Pemenang juga bersetuju bahawa penggunaan maklumat dan gambar peribadi mereka oleh pihak Penganjur bagi tujuan publisiti di semua media, termasuk secara dalam talian, akhbar, televisyen ataupun radio adalah dibenarkan.

(c) Liabiliti:

Dengan menghantar penyertaan, peserta mengakui dan membuat representasi bahawa:

- (i) peserta telah bersetuju dengan semua terma dan syarat Pertandingan;
- (ii) kandungan di dalam penyertaan tersebut tidak melanggar hakcipta mana-mana pihak ketiga dan/atau apa-apa undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;
- (iii) peserta bersetuju membebaskan Penganjur dari apa-apa tindakan undang-undang yang disebabkan oleh penyertaan tersebut, termasuklah tuntutan perundangan berhubung hakcipta;
- (iv) peserta bersetuju bahawa tiada sebarang tuntutan berhubung dengan apa-apa kerosakan, kehilangan, kecederaan dan ketidakselesaian mana-mana pihak dikenakan terhadap pihak Penganjur; dan

- (v) peserta akan menanggung segala kos perbelanjaan yang berlaku sepanjang tempoh Pertandingan dan sesi penyerahan hadiah berlangsung.
- (d) Lain-lain:
 - (i) Pihak Penganjur berhak membatalkan mana-mana penyertaan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.
 - (ii) Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang dihantar lewat (iaitu melepasi tarikh tutup penyertaan).
 - (iii) **Keputusan panel juri adalah muktamad.** Sebarang rayuan terhadap keputusan juri tidak akan dilayan.

7. PINDAAN TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

- (a) Pihak Penganjur berhak untuk meminda terma dan syarat Pertandingan ini pada bila-bila masa, sekiranya difikirkan patut dan perlu.
- (b) Syarat-syarat pertandingan yang telah dipinda akan dimaklumkan melalui portal Pertandingan iaitu di laman sesawang www.jsm.gov.my.

8. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:

**JABATAN STANDARD MALAYSIA (STANDARDS MALAYSIA)
CENTURY SQUARE, LEVEL 1 & 2, BLOCK 2300
JALAN USAHAWAN
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN**

PN KEE LAI SIEN

No Telefon : 03 8318 2211
No Faks : 03 8319 1511
Emel : central@jsm.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.jsm.gov.my>

Atau

**BAHAGIAN TEKNOLOGI DAN MASYARAKAT
SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)
MCMC TOWER 1
JALAN IMPACT, CYBER 6
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN**

PN JUHAIDA BINTI BADRUL AMINI

No Telefon : 03 8688 8569
No Faks : 03 8688 1000
Emel : juhaida.badrul@cmc.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mcmc.gov.my>